

Tahap Keaktifan Aktiviti Dakwah Remaja Di Masjid-Masjid Negeri Selangor: Satu Tinjauan

Saharizah binti Mohamad Salleh, Abdul Munir bin Ismail
saharizah63@hotmail.com
sungaiseraolangat@gmail.com
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap keaktifan aktiviti dakwah dan jenis aktiviti yang digemari remaja di masjid seluruh Selangor. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan, data kuantitatif diperolehi melalui dua soal selidik, iaitu SS1 untuk ajk masjid dan SS2 untuk remaja. Seramai 370 orang ajk masjid (SS1) dan 380 remaja (SS2) telah dipilih sebagai peserta kajian melalui kaedah persempelan berkelompok dan rawak mudah. Data dianalisis menggunakan *IBM SPSS Statistics Amos 22* program *Structural Equation Modelling (SEM)*, t-test dan ANOVA. Data deskriptif dianalisis menggunakan kekerapan, min, dan peratus. Keputusannya mendapati tahap keaktifan aktiviti dakwah dalam aktiviti keagamaan tahap sederhana (SS2), riadah dan sukan, ekonomi dan pekerjaan, sosial dan kemasyarakatan, dan pendidikan dan pembelajaran di tahap sangat rendah. Manakala jenis aktiviti yang digemari mengikut SS2, semua jenis aktiviti berada di tahap tinggi. Bagi Analisis korelasi dan regrasi dengan menggunakan SEM, didapati bahawa terdapat hubungan yang sangat kuat dan pengaruh yang signifikan antara faktor demografi dan jenis aktiviti kegemaran remaja terhadap tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja. Beberapa implikasi dan cadangan kajian telah dikemukakan bagi meningkatkan tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja yang boleh dilaksanakan oleh ajk masjid

Kata kunci: aktiviti dakwah, remaja, masjid.

ABSTRACT

This study aims to determine the activeness level of preaching for teenagers (KAD) and the types of activities favoured by Muslim teenagers (AKR) at the mosques in Selangor state. The quantitative data for this survey was collected through two questionnaires that were SS1 (370 mosque committee members) and SS2 (380 teenagers). The samples for this study were chosen based on group and random sampling methods. The quantitative data collected was analysed using SPSS statistics Amos 22 program Structural Equation Modelling (SEM), t-test and ANOVA while the quantitative data was analysed for frequency, min and percentages. The descriptive data analysis showed the KAD religious activities were at an average level while the recreational, games, economic, social and educational activities were at a very low level. Further, the favoured activities according to SS2 were at a high level. The correlation and

regression analysis (SEM) showed that there was a strong and significant relation between the demographics and teenage favoured activities with the activeness level of preaching for teenagers. Based on the study, a few suggestions had been put forth on ways the mosque committee members can increase the preaching activeness levels for Muslim teenagers.

Key word: religious preaching activity (dakwah), teenagers, mosque

Received: 10 June 2018

Accepted: 28 June 2018

Online Published: 30 June 2018

PENGENALAN

Dakwah merupakan satu usaha yang menyeru ke arah kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Ia telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah selama 13 tahun dan di Madinah selama 10 tahun. Fokus utama dakwah Rasulullah SAW di Mekah lebih kepada akidah yang ditanamkan kepada pemuda dan remaja. Seterusnya Rasulullah SAW berdakwah di Madinah dengan meletakkan tempat asas berdakwah di masjid iaitu semua perbuatan, percakapan dan diam baginda menjadi contoh teladan para pendakwah.

Remaja merupakan sebahagian individu yang bakal membentuk keluarga, masyarakat dan negara. Menurut Fatimah Ali (2007) remaja adalah murid hari ini dan pemimpin pada masa hadapan. Sekurang-kurangnya mereka adalah pemimpin kepada diri sendiri, keluarga atau kelompok masyarakat. Mengurus remaja memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai ilmu yang meliputi jasmani, rohani, emosi dan intelektual. Kegagalan memiliki ilmu tersebut akan menyebabkan berlakunya pelbagai masalah sosial seperti perzinaan, melepak dan merempit. Memenuhi cita rasa remaja dituntut dalam Islam selagi tidak bertentangan dengan syariatnya. Oleh itu, aktiviti dakwah untuk remaja hendaklah dipelbagaikan bagi menepati kehendak mereka.

Di Malaysia, masjid dan surau banyak dibina (<http://e-masjid.jais.gov.my/>), tetapi kurang berperanan mendidik remaja seperti yang dikehendaki. Peranan masjid hendaklah dikembalikan sebagaimana zaman Rasulullah SAW dahulu. Iaitu meningkatkan aktiviti dakwah kepada pemuda dan remaja sangat dituntut. Oleh itu, kajian ini penting untuk merangka strategi bagi memantapkan jati diri umat Islam khususnya remaja.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengetahui tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja yang dilaksanakan oleh ajk masjid
2. Untuk mengetahui jenis aktiviti yang digemari oleh remaja
3. Untuk menganalisis hubungan tahap keaktifan aktiviti dakwah dengan demografi dan jenis aktiviti kegemaran remaja
4. Untuk menganalisis sama ada wujud pengaruh demografi dan jenis aktiviti yang digemari remaja terhadap tahap keaktifan aktiviti dakwah.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini bertujuan meninjau tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid, dan jenis aktiviti yang digemari oleh remaja. Maka reka bentuk kajian yang sesuai adalah berbentuk deskriptif melalui kaedah tinjauan (Neuman, 2002). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Data kuantitatif dimulakan dengan pembinaan objektif, pengukuran data, analisis data dan rumusan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan semasa iaitu data dikutip sekali sahaja daripada satu sampel pada suatu masa (Creswel, 2008). Keistimewaan kaedah tinjauan, ia mampu mengumpul data dari populasi yang besar dan boleh digeneralisasikan terhadap seluruh populasi berdasarkan sampel kajian (Creswel, 2008; Krejcie & Morgan 1970).

Namun begitu kaedah tinjauan juga mempunyai beberapa kelemahan antaranya dari aspek kesahihan sesuatu maklumat yang berkaitan dengan kejujuran responden. Kaedah ini juga tidak dapat mengukur tindakan dan perbuatan responden kerana maklumat yang diperolehi dibuat hanya berdasarkan apa yang dilaporkan (Johnson & Christensen 2000). Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menggunakan triangulasi untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut daripada responden (Burton & Barlett 2009; Denzin 1989). Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah triangulasi informan iaitu responden yang berbeza dengan menggunakan soal selidik yang sama iaitu ajk masjid dan remaja.

PROSEDUR PENGANALISISAN DATA

Pengkaji menganalisis data kuantitatif secara analisis deskriptif dan inferensi. Bagi analisis deskriptif, data soal selidik dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 22* untuk mendapatkan frekuensi, peratusan dan min. Kebanyakan data disediakan dalam frekuensi dan peratusan kerana ia dapat menunjukkan jumlah responden yang menjawab mengikut pilihan skala mereka. Manakala analisis infrensi pula dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics Amos 22* metod *Structural Equation Modelling* (SEM). Pemodelan persamaan struktur (SEM) adalah teknik analisis statistik multivariat yang mengambil pendekatan ‘pengesahan’ dalam menguji hipotesis yang dibina berdasarkan teori dalam sesuatu kajian (Buhi et al. 2007; Byrne 2010).

Kajian ini menggunakan SEM dengan tiga jenis teknik analisis iaitu Analisis Faktor Konfirmatori (*Confirmatory Factor Analysis*) untuk menentukan faktor-faktor yang paling dominan. Manakala *Measurement Model* atau Model Pengukuran digunakan pula untuk meneliti seberapa besar pengaruh dan hubungan dan *Structural Model* adalah model struktur hubungan yang terbentuk atau yang menjelaskan hubungan antara faktor. Prosedur analisis jenis dan kaedah dapat dilihat seperti dalam jadual 3.13 di bawah.

Jadual 3.1: Jenis dan kaedah analisis data

Objektif kajian	Jenis statistik	Kaedah statistik	Catatan
1-2	Deskriptif	Frekuensi (skor min, sisihan piawai, peratusan) ; KAD, KTI, KIP, AKR.	Soal selidik 1 dan 2

3	Inferensi; Hubungan	Path Analysis in Structural Equation Modeling (SEM)
4	Infrensi; Pengaruh	Path Analysis in Structural Equation Modeling (SEM)

DAPATAN KAJIAN

Bab ini merupakan laporan dapatan kajian tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid seluruh negeri Selangor. Laporan ini adalah hasil dari soal selidik 1 dan soal selidik 2. Pembentangan ini dibahagikan kepada tiga iaitu Profil Responden, Analisis Deskriptif dan Analisis Inferensi.

1. Frofil responden

Profil responden mengandungi data responden dari ajk masjid (SS1) dan remaja (SS2) meliputi lokasi, umur, tahap pendidikan agama, tahap pendidikan bukan agama dan pengalaman mengurus aktiviti dakwah untuk remaja. Rujuk kepada jadual 4.1 hingga 4.5 berikut;

Jadual 4.1: Lokasi Responden

Lokasi	SS1		SS2	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Bandar	101	27.3	316	83.2
Luar Bandar	269	72.7	64	16.8
n	370		380	100

Dari jadual di atas, menunjukkan responden (SS1) dari bandar 101 (27.3%) dan luar bandar 269 (72.7%). Manakala responden SS2 dari bandar 83.2%, luar bandar 16.8%. Dengan demikian, responden SS1 dalam kajian ini seramai 370, majoritinya adalah dari luar bandar sebaliknya responden SS2 majoritinya dari bandar.

Jadual 4.2: Umur Responden

Umur	SS1		Umur	SS2	
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<21	1	.3	<13	10	2.7
21-30	20	5.4	14-16	187	49.2
31-40	47	12.7	17-19	183	48.2
41-50	109	29.5			
51>	193	52.2			
n	370	100	n	380	100

Jadual di atas menerangkan umur, ajk yang teramai ialah yang berumur 51 tahun ke atas iaitu 193 (52%), diikuti umur 41-50 tahun 109 (29.5%), umur 31-40 tahun 47 orang (12.7%), 21- 30 tahun 20 orang (5.4%) dan bawah 21 hanya 1 orang (3%). Manakala remaja (SS2) umur 14-16 (49.2%) diikuti umur 17-19 (48.2%). Dengan demikian, ajk masjid majoritinya terdiri dari ajk yang berusia 51 tahun ke atas (disokong kajian Fauziah, 2009) manakala remaja majoritinya berusia 14-16.

Jadual 4.3: Tahap Pendidikan Agama

Latar Belakang	Sijil	Kekerapan	Peratusan (%)
Pendidikan Agama Formal	Ijazah	51	13.8
	Diploma	15	4.1
	STAM	20	5.4
	STU	5	1.4
	SMA	42	11.4
	SRA	55	14.9
	Tiada	182	49.2
Pendidikan Tidak Formal	IPT	61	16.5
	Pondok	15	4.1
	Masjid	53	14.3
	Tiada	241	65.1
n		370	100

Soal Selidik 1:2016

Berdasarkan jadual di atas, responden yang tidak memiliki apa-apa sijil agama seramai 179 orang (48.4%), Sijil Agama Sekolah Rendah (SRA) 55 orang (14.8%) dan memiliki ijazah/Sarjana/PhD seramai 51 orang (13.8%). Bagi responden yang memiliki sijil agama tidak formal pula didapati tiada apa-apa sijil seramai 236 orang (63.8%) diikuti mendapat sijil agama dari mana-mana institusi pengajian tinggi 81 Orang (16.5%) dan mendapat sijil dari mana-mana masjid 53 orang (14.3%). Dapat disimpulkan bahawa majoriti ajk masjid tidak memiliki apa-apa sijil agama secara formal malah juga tidak memiliki apa-apa sijil agama secara tidak formal. Disokong dapatan kajian Idris (1998).

Jadual 4.4: Tahap Pendidikan Bukan Aliran Agama

Sijil	Kekerapan	Peratus
Ijazah	93	25.1
Diploma	92	24.9
SPM	136	36.7
PMR	28	7.6
Tiada	21	5.7
n	370	100

Soal Selidik 1:2016

Jadual di atas menerangkan latar belakang tentang tahap pendidikan bukan aliran agama pula didapati lulusan SPM paling ramai iaitu 136 orang (36.8%), ijazah/sarjana/PhD 93 orang (25.1%), PMR 28 orang (7.0%) dan tiada apa-apa sijil 20 orang (5.0%). Dengan demikian didapati bahawa majoriti ajk masjid hanya berpendidikan setakat SPM dan ke bawah sahaja.

Jadual 4.5: Pengalaman Mengendalikan Aktiviti Remaja

Latar Belakang	Pengalaman/Jawatan	Kekerapan	Peratus
Pengalaman mengendalikan	10 tahun keatas	123	33.2
	7-10 tahun	31	8.4
	4-6 tahun	36	9.7
	1-3 tahun	76	20.5
	Tidak pernah	104	28.1

Jawatan Ketika	Pengarah	49	13.2
Mengendalikan Aktiviti	Tim. Pengarah	4	1.1
Dakwah untuk remaja	Ketua fasilitator	11	3.0
	Ketua komandan	10	2.7
	Setiausaha	35	9.5
	Pen setiausaha	16	4.3
	Bendahari	6	1.6
	Fasilitator	40	10.8
	Ajk	96	25.9
	Tidak pernah	103	27.8
<i>n</i>		370	100

Soal Selidik 1: 2016

Berdasarkan jadual di atas, latar belakang pengalaman responden dalam mengendalikan aktiviti remaja, paling tinggi ialah 10 tahun ke atas 123 orang (33.2%), diikuti tidak pernah 104 orang (28.1%), dan pengalaman 1-3 tahun 76 orang (20.5%). Manakala latar belakang jawatan yang pernah disandang ketika mengendalikan aktiviti remaja pula, didapati tidak pernah 103 orang (27.8 %), sebagai ajk 96 (25.9%), pengarah 49 (13.2%) dan fasilitator 40 (10.8%). Dengan demikian, didapati ajk masjid kurang berpengalaman mengendalikan aktiviti remaja kerana 48.6% responden tidak pernah (28.1%) dan hanya berpengalaman 1-3 tahun (20.5%). Ini disokong lagi dengan 53.7% responden tidak pernah (27.8%) menjawab apa-apa jawatan dan hanya setakat ajk sahaja (25.9%).

2. Analisis deskriptif

Analisis deskriptif mengandungi dua laporan iaitu tahap keaktifan aktiviti dakwah dan jenis aktiviti yang digemari remaja berdasarkan data dari SS1 (ajk Masjid) dan SS2 (remaja).

2.1 *Dapatan tahap keaktifan aktiviti dakwah*

Peratus tahap keaktifan aktiviti agama mengikut remaja berada di tahap sederhana dengan peratusan yang rendah iaitu kelas fardu ain (35.3%), tadarus (32.4%), ceramah/tazkirah (30.0 %), kem hafazan (32.1%), dan kem solat/kem Ibadat (31.6%). Manakala kelas al-Quran (33.9%) berada di tahap tinggi. Aktiviti bengkel/seminar/debat dan Kelab remaja berada di tahap sangat rendah. Berbeza dengan dapatan ajk masjid iaitu kebanyakan aktiviti berada di tahap tinggi kecuali bengkel/seminar (sangat rendah).

Peratus tahap keaktifan aktiviti riadah dan sukan iaitu berkelah, berjoging, lumba lari, berenang, basikal, jungle traking, futsal, memanah, senaman dan pingpong. Semua aktiviti tersebut berada di tahap sangat rendah mengikut remaja dan ajk masjid. Peratus tahap keaktifan aktiviti sosial dan kemasyarakatan, iaitu lawatan sambil belajar, khidmat nasihat/kaunseling, gotong royong, lawatan rumah anak yatim, ziarah rumah orang sakit/kematian dan kawalan keselamatan. Mengikut ajk masjid semua aktiviti berada di tahap sangat rendah kecuali gotong royong (sangat tinggi). Bagi remaja, aktiviti lawatan belajar berada di tahap sangat rendah, manakala aktiviti kaunseling, ziarah orang kematian/sakit dan kawalan keselamatan berada di tahap sederhana dan ziarah anak yatim (tinggi). Peratus tahap keaktifan aktiviti ekonomi dan

pekerjaan iaitu menyediakan tapak gerai, bengkel basikal, kursus perniagaan, kursus menjahit, tapak basuh kereta, dana perniagaan, kursus pembuatan makan dan taklimat peluang kerjaya berada di tahap sangat rendah mengikut kedua-dua responden kecuali menyediakan tapak gerai di tahap sederhana (remaja). Peratus tahap keaktifan aktiviti pendidikan dan pembelajaran iaitu tuisyen UPSR/SPM/STPM, kelas komputer, kursus kepimpinan dan mini perpustakaan berada di tahap sangat rendah mengikut kedua-dua responden kecuali ceramah motivasi berada ditahap tinggi. Oleh yang demikian, tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid seluruh Selangor berada di tahap sangat rendah kecuali beberapa aktiviti agama berada di tahap sederhana.

2.2 *Jenis aktiviti yang digemari oleh remaja*

Berdasarkan data dari SS1 (remaja), didapati semua jenis aktiviti yang dinyatakan dalam kajian, berada di skala tinggi dan sangat tinggi (skala likert 7, 8, 9 dan 10). Bagi aktiviti keagamaan peratusnya antara 67.7% (seminar/ceramah/tazkirah) hingga 80.3% (kelas al-Quran), aktiviti paling digemari ialah kelas al-Quran (80.3%), diikuti ceramah/tazkirah (76.3%) dan kem smart solat/ibadat (74.5%). Bagi aktiviti riadah dan sukan, peratusnya dari 60.5% (pingpong) hingga 82.1% (senaman), aktiviti paling digemari ialah senaman (82.1%) diikuti berbasikal (78.9%) dan *jungle traking* (78.6%). Bagi aktiviti sosial dan kemasyarakatan pula peratusnya dari 65.5% (kawalan keselamatan) hingga 76.8% (lawatan sambil belajar), paling digemari ialah lawatan sambil belajar (76.8%) diikuti gotong royong (74.0%) dan khidmat nasihat/kaunseling (73.5%). Bagi aktiviti ekonomi dan perniagaan, peratusnya dari 43.6% (kursus menjahit) hingga 71.2% (taklimat peluang belajar/kerjaya) iaitu yang paling digemari adalah aktiviti taklimat peluang belajar/kerjaya (71.2%) diikuti kursus pembuatan makanan (63.8%) dan modal perniagaan (61.5%). Manakala bagi aktiviti pendidikan dan pembelajaran, peratusnya dari 74.8% (kursus kepimpinan) hingga 79.2% (kelas komputer), aktiviti paling digemari ialah kelas komputer (79.2%) diikuti mini perpustakaan (78.4%) dan ceramah motivasi/jati diri (77.9%). Dengan demikian, kajian ini menunjukkan jenis aktiviti yang digemari oleh remaja berada di tahap tinggi dan sangat tinggi. Justeru itu, semua aktiviti ini boleh menjadi daya penarik kepada remaja untuk datang ke masjid. Namun begitu didapati, ajk masjid sangat kurang melaksanakan aktiviti tersebut yang menyebabkan remaja tidak gemar ke masjid malah masjid menjadi tempat ibadat semata-mata (Huzaifah Sulong, et., al. 2017).

3. Analisis inferensi

Analisis statistik infrensi juga mengandungi dua laporan iaitu analisis hubungan (korelasi) dan analisis pengaruh (regrasi) untuk melihat hubungan dan pengaruh lokasi, umur, tahap pendidikan agama, pengalaman pengurusan, dan jenis aktiviti yang digemari dengan tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja masjid.

3.1 *Analisis hubungan (korelasi)*

Model analisis faktor konfirmatori (CFA) digunakan untuk menentukan model yang tepat yang menjelaskan hubungan antara item-item dengan konstruk yang diukur oleh item tersebut. Analisis hubungan ini dibuat untuk menjawab OK 3 dan 4 iaitu untuk mengenalpasti hubungan di antara tahap keaktifan aktiviti dakwah dengan umur, tahap pendidikan agama formal, tahap pendidikan agama tidak formal, pengalaman pengurusan, dan jenis aktiviti yang digemari

remaja. Analisis hubungan menggunakan model pengukuran berikut menjelaskan hubungan antara konstruk dengan konstruk.

Terdapat hubungan yang signifikan antara umur dengan tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (-8.414) > 1.96 dan nilai $p = < 0.05$. Koefisien korelasi menunjukkan kekuatan hubungan linear yang kuat yaitu -0.737 (> 0,5-0,75) arah hubungan negatif. Ini bermakna semakin meningkat umur ajk masjid semakin kurang tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan agama formal (KAF) dengan tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (3.582) > 1.96 dan nilai $p = < 0.05$. Koefisien korelasi menunjukkan kekuatan hubungan linear yang kuat yaitu 0.520 (> 0,5-0,5) arah hubungan yang positif. Ini bermakna semakin meningkat tahap ilmu agama secara formal ajk masjid semakin tinggi tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja. Juga terdapat hubungan yang signifikan antara kelayakan agama secara tidak formal dengan tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (8.240) > 1.96 dan nilai $p = < 0.05$. Koefisien korelasi menunjukkan kekuatan hubungan linear yang sangat kuat yaitu .852 (> 0.75-0.99) arah hubungan yang positif. Ini bermakna semakin meningkat kelayakan agama secara tidak formal dalam kalangan ajk masjid maka semakin tinggi tahap aktivitas dakwah untuk remaja.

Seterusnya terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman pengurusan dengan tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (8.213) > 1.96 dan nilai $p = < 0.05$. Koefisien korelasi menunjukkan kekuatan hubungan linear yang sangat kuat yaitu 1.078 (> 0.75-0.99) arah hubungan yang positif. Ini bermakna semakin meningkat tahap pengalaman pengurusan ajk masjid maka semakin meningkat tahap aktivitas dakwah untuk remaja. Terdapat hubungan yang signifikan antara aktivitas yang digemari oleh remaja (AKR) dengan tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (9.009) > 1.96 dan nilai $p = < 0.05$. Koefisien korelasi menunjukkan kekuatan hubungan linear yang sangat kuat yaitu .978 (> 0.75-0.99) arah hubungan yang positif. Ini bermakna semakin meningkat jenis aktivitas yang digemari remaja yang dilaksanakan oleh ajk masjid maka semakin tinggi tahap aktivitas dakwah untuk remaja.

Oleh yang demikian, faktor umur muda, dan kelayakan agama secara formal menjadi sebab yang kuat meningkatnya tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid manakala faktor kelayakan agama secara tidak formal, pengalaman pengurusan aktivitas dan jenis aktivitas yang digemari menjadi faktor sangat kuat meningkatnya tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid-masjid.

3.2 Analisis pengaruh (regresi)

Regression Weight pada SEM digunakan untuk meneliti seberapa besar pengaruh lokasi, umur, kelayakan agama formal, kelayakan agama tidak formal, pengalaman pengurusan dan jenis aktivitas yang digemari remaja terhadap tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid seluruh Selangor. Terdapat pengaruh umur yang signifikan terhadap tahap keaktifan aktivitas dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (-3.421) > 1.96 dan nilai $p = 0.0001 < 0.05$. Koefisien regresi menunjukkan kekuatan pengaruh yang sederhana yaitu -.299 (>0.25-0.5) arah hubungan yang negatif. Ini bermakna semakin meningkat tahap umur ajk masjid maka

semakin rendah tahap aktiviti dakwah untuk remaja. Ia juga bermakna umur ajk masjid yang berusia menjadi faktor penyebab kekurangan aktiviti dakwah untuk remaja sebanyak 30 %. Terdapat pengaruh tahap pendidikan formal yang signifikan terhadap tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (2.501) > 1.96 dan nilai $p=0.012 < 0.05$. Koefisien regrasi menunjukkan kekuatan pengaruh yang lemah iaitu .063 (>0.0-0.25) arah hubungan yang positif. Ini bermakna semakin meningkat KAF ajk masjid maka semakin tinggi tahap aktiviti dakwah untuk remaja. Ia juga menunjukkan tahap pendidikan agama secara formal menjadi penyebab kurang aktif aktiviti dakwah untuk remaja sebanyak 06.3%. Terdapat pengaruh tahap pendidikan tidak formal yang signifikan terhadap tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (3.994) > 1.96 dan nilai $p=0.001 < 0.05$. Koefisien regrasi menunjukkan kekuatan pengaruh yang lemah iaitu .178 (>0.0-0.25) arah hubungan yang positif. Ini bermakna semakin meningkat KAF ajk masjid maka semakin tinggi tahap aktiviti dakwah untuk remaja. Ia juga bermaksud kelayakan agama secara tidak formal menyumbang kepada keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid sebesar 17.8%.

Terdapat pengaruh tahap pengalaman pengurusan yang signifikan terhadap tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (2.398) > 1.96 dan nilai $p=0.016 < 0.05$. Koefisien regrasi menunjukkan kekuatan pengaruh yang lemah iaitu .099 (>0.0-0.25) arah hubungan yang positif. Ini bermakna semakin meningkat tahap pengalaman pengurusan (PP) ajk masjid maka semakin tinggi tahap aktiviti dakwah untuk remaja (KAD). Ia juga bermaksud pengalaman pengurusan aktiviti dakwah menyumbang kepada tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid sebesar 09.9 %. Terdapat pengaruh aktiviti kegemaran remaja (AKR) yang signifikan terhadap tahap keaktifan aktiviti dakwah (KAD) untuk remaja di masjid. Signifikan apabila nilai CR (4.405) > 1.96 dan nilai $p=0.001 < 0.05$. Koefisien regrasi menunjukkan kekuatan pengaruh yang sederhana iaitu .259 (>0.25-0.5) arah regrasi yang positif. Ini bermakna semakin meningkat jenis aktiviti kegemaran remaja (AKR) dalam kalangan ajk masjid maka semakin tinggi tahap aktiviti dakwah untuk remaja (KAD). Ia juga bermaksud jenis aktiviti kegemaran remaja menyumbang kepada tahap keaktifan aktiviti dakwah untuk remaja di masjid sebesar 25.9 %.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa tahap aktiviti dakwah untuk remaja berada di tahap sangat rendah bagi kebanyakan aktiviti, malah terdapat masjid yang tidak ada langsung aktiviti untuk remaja. Keadaan ini berbeza dengan kehendak serta keinginan remaja iaitu dapatan kajian menunjukkan kesemua jenis aktiviti yang dinyatakan dalam kajian berada di tahap sangat digemari oleh remaja. Jika sekiranya aktiviti-aktiviti tersebut diadakan dan dilaksanakan sudah tentu dapat menarik remaja ke masjid. Mengikut Fariza Md Sham, Azyyati Mohd Nazim (2015), bimbingan jiwa yang berasaskan ajaran agama Islam, mampu menangani masalah remaja berisiko. Rawatan dalam bentuk keagamaan sangat menekankan kepada pembinaan sahsiah selain menggunakan pendekatan akal dan logik. Ajk masjid berperanan mendekatkan remaja kepada agama melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Dapatan kajian juga menunjukkan, bagi analisis hubungan dan pengaruh pula, didapati semua pemboleh ubah bersandar iaitu umur, kelayakan secara formal dan tidak formal, tahap pendidikan, pengalaman dan jenis aktiviti mempunyai hubungan dan pengaruh yang signifikan ke atas tahap keaktifan aktiviti dakwah. Ini bermakna umur ajk yang lebih muda, ilmu agama ajk yang lebih tinggi, tahap pendidikan ajk yang lebih tinggi dan jenis aktiviti yang digemari akan meningkatkan tahap aktiviti dakwah untuk remaja di masjid. Surah Al-Taubah 9:18 bermaksud “Hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”

Berdasarkan dapatan kajian lalu, fenomena masjid hanya didatangi oleh golongan tua dan pesara, (Marzuki bin Sepiaail, 2011), lemah dalam pengurusan aktiviti, masjid tidak berperanan sebagaimana sepatutnya (Mohammad Sabran Harun, 2013) dan dana tidak digunakan dengan bijaksana (Mohd Yahya Mohd Hussin, 2014) tidak akan berlaku lagi sekiranya ajk masjid melaksanakan pelbagai aktiviti yang digemari oleh remaja. Berdasarkan kajian ini, didapati ajk masjid sangat kurang menganjurkan aktiviti untuk remaja. Oleh yang demikian, ajk masjid hendaklah terdiri dari ajk yang berusia muda, mempunyai ilmu agama secara formal dan tidak formal, berpendidikan tinggi dan berpengalaman melaksanakan aktiviti remaja. Hasilnya masjid akan menjadi aktif dengan pelbagai aktiviti dakwah untuk semua golongan termasuk remaja. Sudah pasti masjid akan mampu melahirkan remaja yang beriman dan bertakwa untuk menjadi pemimpin pada masa yang akan datang. Maka dengan ini diharapkan masalah gejala sosial berkurangan seterusnya dapat diatasi dengan mengikut kehendak syariat Islam.

KESIMPULAN

Pelbagai kelemahan dan kekurangan ajk masjid yang diketahui melalui kajian lalu, sejak kajian Sidi Ghazalba (1998) membuat kajian sehingga sekarang masih dinyatakan isu yang sama iaitu pengurusan masjid masih lemah, pihak pengurusan yang tidak memiliki ilmu dan tidak mampu menyelesaikan masalah ahli kariah setempat. Akibatnya umat Islam menjadi rosak khususnya remaja yang sangat memerlukan bimbingan orang yang lebih tua. Dapatan kajian ini menjelaskan lagi beberapa faktor yang menjadi sebab remaja tidak ke masjid. Antaranya pihak pengurusan masjid hendaklah berlapang dada dengan memberi laluan kepada pemuda dan remaja menjadi ajk masjid. Pemuda dan remaja sahaja yang mampu menganjurkan aktiviti yang digemari oleh mereka. Aktiviti yang sesuai dengan jiwa dan dunia mereka yang dipasakkan dengan ilmu kemahiran, ilmu agama dan akhlak mulia bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Aktifnya aktiviti remaja, akan menarik remaja ke masjid untuk menuntut ilmu, beriadah, bersukan, bersosial dan bermasyarakat sehingga melahirkan pemuda yang menjadi pemimpin hebat seperti di zaman Rasulullah SAW dahulu hanya kerana mereka yang mencintai masjid. Hal keadaan ini, sesuai dengan sabda Rasulullah SAW bermaksud “Tujuh golongan manusia yang mendapat perlindungan arasy daripada Allah SWT di akhirat kelak, yang mana pada hari itu tidak ada sebarang lindungan selain daripada lindungan tersebut. Antara golongan tersebut ialah pemuda yang sepanjang umurnya sentiasa bertumpu ke masjid” (al-Bukhari:1357 dan Muslim:1031)

RUJUKAN

- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Mat Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). Ciri-ciri remaja berisiko: Kajian literatur. *Jurnal Islamiyyat*, Bil. 35, No.1, 111-119
- Buhi ER, Goodson P, Neilands TB. (2007) *Structural equation modeling: a primer for health behavior researchers*. *Am J Health Behav*. 31: 74–85
- Burton, D.M. & Bartlett, S.J. (2009) *Education Studies Series: Key issues for Education Researchers*, Sage
- Byrne, B. M. (2010). *Structural equation modeling with AMOS, (2nd ed.)*. New York: Routledge.
- Creswell, J.W. (2008). *Research design; Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (3rd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage
- Denzin, NK. (1978). *The Research Act: A Theoretical Introduction in Sociological Methods*. McGraw-Hills: New York.
- Fatimah Ali (2007). Masalah sosial pelajar dan hubungannya dengan kemerosotan pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, Bil 25 [2007] 145-154
- Fauziah Ibrahim. (2009). *Dadah dan Pembangunan Belia: Antara Cabaran dan Peranan*. Nobaya Ahmad dan Haslinda Abdullah (eds.). *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Penerbit UPM, Serdang Selangor
- Johnson, B., & Christensen. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. MA: Allyn and Bacon.
- Holbert, R. L., & Stephenson, M. T. (2002). Structural equation modeling in the communication sciences, 1995–2000. *Human Communication Research*, 28, 531–551
- Huzaifah Sulong, Hairunnizam Wahid, dan Mohd Ali Mohd Noor (2017). Hubungan Antara Latarbelakang Pentadbir Masjid, Pengurusan Kewangan dan Keaktifan Aktiviti Masjid : Kajian di Hulu Terengganu, Terengganu. *PROSIDING PERKEM 12*, (2017) 979 - 990 ISSN: 2231-962X
- Idris Ahmad, Ismail Md. Saman, Abd. Rashid Said Asghar, Yahya Ismail, & Abdul Rahman Said. (1998). Satu Kajian Awal Kedudukan Masjid di Negeri Perlis. *Research Reports. Institute of Research, Development and Commercialization*, Shah Alam: UiTM.
- Johnson, B., & Christensen. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. MA: Allyn and Bacon.

- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.
- Marzuki bin Sepiaail (2011). Pengurusan Program Masjid Sultan Idris Shah II, Slim River, Perak. Disertasi Sarjana. UKM Bangi
- Mohammad Sabran Harun. (2013). Pengurusan aktiviti dakwah di masjid daerah kerian, perak: kajian tentang persepsi dan masalah. Disertasi sarjana. UM. Kuala Lumpur
- Mohd Rashid Ab Hamid, Zainol Mustafa, Nur Riza Mohd Suradi, Fazli Idris & Mokhtar Abdullah. (2013). Perbandingan Anggaran Parameter Terhadap Model Kecemerlangan Prestasi Institut Pengajian Tinggi (IPT) Bersandarkan Nilai Teras: Pendekatan Penganggaran Kebolehjadian Maksimum (ML) dan Kuasa Dua Terkecil Separa (PLS). *Sains Malaysiana* 42(8): 1159–1166
- Mohd Yahya Mohd Hussin , Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohamad Ali Roshidi Ahmad (2014). Persepsi Masyarakat Terhadap Keupayaan Pengembangan Dana Masjid. *Sains Humanika* 2:1 (2014), 13–21. www.sainshumanika.utm.my |e-ISSN ISSN: 2289-6996. © 2014 Penerbit UTM Press
- Neuman, W.L.(2002) *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston, MA: Allyn and Bacon
- Sidi Gazalba (1962). Masjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam. M.A. di Fakultas Sastera, Universitas Nasional Indonesia.

Laman Web

Laman Web Rasmi Jais: www.jais.gov.my/ .Diakses pada 15Nov 2012

TENTANG PENULIS

Saharizah binti Mohamad Salleh merupakan guru agama yang telah berkhidmat selama 29 tahun, memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah di Fakulti Pengajian Islam, UKM, Diploma Pendidikan dari Maktab Perguruan Islam Lembah Pantai, Ijazah Sarjana Pendidikan di Fakulti Pendidikan, UKM, pelajar Doktor Falsafah (PhD), Jabatan Usuludin dan Dakwah, Fakulti Kemanusiaan, UPSI. Pernah menjawat jawatan ajk masjid selama 10 tahun, penceramah bebas dan ahli NGO yang aktif untuk mendidik para remaja di seluruh Selangor.